

PANDUAN PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Syarat-syarat pembaharuan perakuan pendaftaran perniagaan

1. Dibawah peruntukan seksyen 5A, Akta Pendaftaran Perniagaan (APP 1956) sesuatu perniagaan berdaftar yang aktif perlu diperbaharui sebelum tamat/luput perakuan pendaftaran perniagaan tempoh dalam tempoh 30 hari kepada Pendaftar/SSM.
2. Pihak SSM menetapkan Perakuan Pendaftaran perniagaan boleh **diperbaharui bila-bila masa sebelum tarikh luput pendaftaran** sehingga dua belas (12) bulan selepas tarikh luput pendaftaran.
3. Pemilik atau Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan pembaharuan.

Prosedur pembaharuan perakuan pendaftaran perniagaan

4. Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my. Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu. Sila rujuk [Tatacara Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz](#) dan [Tatacara Pengguna Ezbiz Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Perniagaan](#).
5. Pembaharuan Perakuan Pendaftaran Perniagaan boleh dibuat bagi jangkamasa satu (1) tahun dan sehingga tidak melebihi lima (5) tahun.
6. Pembaharuan perakuan pendaftaran perniagaan melalui Ezbiz Online dilakukan secara kelulusan segera oleh sistem yang ditetapkan oleh Pendaftar SSM (*auto approved*).

Fi Pembaharuan

7. Berikut adalah Fi Pembaharuan perakuan pendaftaran seperti berikut:
 - 7.1 RM 60 setahun - Perniagaan tunggal atau perniagaan perkongsian menggunakan Nama Tred
 - 7.2 RM 30 setahun - Perniagaan tunggal menggunakan nama

		sendiri seperti di kad pengenalan
7.3	RM 5	- Setiap Cawangan (jika ada)
7.4	RM 10	- Maklumat Perniagaan

Panduan AM

8. Seseorang yang meneruskan perjalanan sesuatu perniagaan selepas tamat tempoh pendaftaran adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Pendaftaran perniagaan 1956 dan jika disabit kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

9. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.